

31/10/2003

Pak Ali anggap seperti keluarga

By Kadir Dikoh

MASAKAN `keladi asam pedas' kakaknya memang menjadi kegemaran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila balik ke Alor Star, Kedah negeri asalnya.

Ketua pengawal peribadi Perdana Menteri, Datuk Mohamad Ali, 58, berkata Dr Mahathir amat berselera sekali makan masakan kakaknya iaitu Rafeah, 90, dan Habsah, 88.

"Dr Mahathir juga suka dadih iaitu Yogurt yang diperbuat daripada susu kerbau, apabila berada di Alor Star dan menjadi hidangan pencuci mulut selepas makan selain makan pulut panggang. (Dadih adalah produk tenusu yang menjadi sumber terbaik bagi kalsium).

"Tetapi PM makan sikit saja nasi dan apabila berada di luar negara, di Jepun umpamanya, beliau suka makan sashimi iaitu sejenis makanan popular Jepun daripada ikan mentah," katanya baru-baru ini.

Mohamad atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Ali mula ditugaskan dengan Dr Mahathir sejak 1978 lagi iaitu sejak pemimpin negara itu menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Beliau bertugas dengan polis Cawangan Khas Bukit Aman, apabila diminta oleh Ketua Polis Negara ketika itu, Tan Sri Haniff Omar (kini Tun) untuk menggantikan seseorang selaku Ketua Juruiring (ADC) Dr Mahathir.

Sejak itu, Pak Ali terus ditugaskan dengan Dr Mahathir sehingga sekarang. Beliau bersara wajib daripada pasukan Polis dengan pangkat Deputy Komisioner (DCP) sejak tiga tahun lalu dan kini bertugas secara kontrak.

Bagi Pak Ali, Dr Mahathir dan keluarga adalah seperti keluarganya sendiri sejak bertugas dengan pemimpin negara ulung itu selama 25 tahun lalu.

"Tidak termimpi dalam hidup saya untuk bekerja dengan Dr Mahathir apabila menyertai pasukan polis 33 tahun lalu tetapi saya bersyukur apatah lagi bekerja dengan seseorang yang luar biasa seperti Dr Mahathir.

"Beliau tidak pernah menengking, beliau tidak pernah memanggil seseorang dengan panggilan `ooi' dan disiplin dirinya begitu tinggi sekali serta pengurusan masa yang amat baik.

"Perdana Menteri tidak pernah meninggikan suara dan kalau marah sekalipun, beliau cuma diam...senyap. Itu saja dan kita akan faham. Beliau sebenarnya lembut, dan tidak kasar," katanya.

Namun katanya, apabila Dr Mahathir menyuruh membuat sesuatu perkara, beliau lazimnya memberi peluang kepada seseorang itu sama ada boleh buat atau tidak.

Katanya, Dr Mahathir tidak mahu mendengar jawapan `tidak'. Sebaliknya, jawapan terbaik ialah `saya akan cuba' iaitu mencuba terlebih dulu sebelum memberi jawapan `tidak boleh'.

"PM kemudian akan bertanya balik sama ada kita sudah mencuba atau tidak. Dalam keadaan seperti ini, kita mesti jujur dan memberitahunya secara terhormat iaitu "Datuk... saya dah cuba, tak boleh buat". Jawapan ini beliau akan terima dan beliau tahu kita sudah mencuba.

"Inilah sebenarnya resipi kejayaan PM iaitu beliau akan mencuba dan terus mencuba sesuatu walaupun sukar sehingga berjaya," katanya.

Beliau berkata, pengurusan masa Perdana Menteri begitu tinggi dan jarang lewat apabila melakukan sesuatu lawatan atau menghadiri program tertentu.

Sarapan pagi tepat jam 7 kerana bagi beliau, jika waktu sarapannya lewat, program yang menyusul kemudian juga pasti terlewat dan ini amat penting bagi menepati jadual.

"Kalau berada di pejabat, PM pasti balik makan tengah hari di rumah tepat jam 1 dan kembali semula ke pejabat pada jam 2.30 petang. PM amat jaga waktu makannya tetapi apabila makan, bukannya makan banyak sangat...berhenti sebelum kenyang," katanya.

Beliau berkata, jika pergi ke luar negara, Dr Mahathir juga suka pergi membeli-belah dan akan berasa bangga jika terserempak barangan atau produk buatan Malaysia di pasar raya.

Semangat 'Malaysia Boleh' memang menebal di jiwanya dan mahu nama Malaysia dikenali di merata dunia sebagai sebuah negara yang bukan lagi menerima produk asing, malah mengeksport produk sendiri ke peringkat antarabangsa.

"PM sebenarnya dua tiga langkah ke depan berbanding orang biasa dalam segala segi. Beliau amat berpandangan jauh," katanya.

Katanya, setiap tindak-tanduk Dr Mahathir termasuk ketika bersiar-siar di pusat beli-belah, ada tujuan murni yang tertentu sama ada bagi dirinya sendiri atau bagi kepentingan rakyat.

Misalnya apabila pergi ke Sogo di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan KLCC, Perdana Menteri tidak suka menggunakan lif. Sebaliknya, beliau akan pergi ke setiap tingkat melalui escalator di celah-celah orang ramai.

Pak Ali berkata, sudah menjadi kebiasaan bagi Dr Mahathir untuk pergi ke pusat beli-belah pada Sabtu dan Ahad. Selain menjadi kelazimannya singgah di kedai buku, Perdana Menteri juga suka pergi ke kedai 'Do It Yourself' (DIY).

Katanya, Dr Mahathir memang suka kegiatan pertukangan tangan tetapi ia terpaksa dilupakan kerana tiada masa. Kegiatan itu digemarinya apabila menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri.

..TX:

* Tidak termimpi dalam hidup saya untuk bekerja dengan Dr Mahathir apabila menyertai pasukan polis 33 tahun lalu tetapi saya bersyukur apatah lagi bekerja dengan seseorang yang luar biasa seperti Dr Mahathir.

Mohamad Ali

* Dr Mahathir kerap menggunakan bahasa isyarat. Sebab itulah kami akan duduk di sudut yang boleh dilihat oleh PM dan kami juga boleh melihat PM. Bila tengah duduk dan PM kerap memandangi, kita fahamlah maksudnya yang mahu sesuatu.

Fadzilah Lazim

(END)